



KENYATAAN MEDIA

“NUCLEAR TECHNOLOGY APPLICATION IN NEW NORM” - PERKUKUHKAN R&D YANG LEBIH EFEKTIF DALAM NORMA BAHARU MENERUSI KONVENSYEN TEKNIKAL NUKLEAR MALAYSIA(NTC) 2021

BANGI, 26 OKTOBER 2021 - Konvensyen Teknikal Nuklear Malaysia (NTC) 2021 merupakan satu aktiviti penting yang diadakan di Agensi Nuklear Malaysia setiap dua tahun sekali semenjak daripada tahun 2000. Konvensyen ini merupakan satu platform untuk warga Nuklear Malaysia membentangkan dan menyebarkan pencapaian R&D (Penyelidikan & Pembangunan) serta pencapaian perkhidmatan sokongan dalam mengukuhkan program R&D di Nuklear Malaysia khususnya dan di peringkat negara amnya. Selain itu, ianya dapat dijadikan sebagai wadah penglibatan warga Nuklear Malaysia dalam berinteraksi, bertukar dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman dalam bidang penyelidikan yang dijalankan.

Konvensyen yang berlangsung selama tiga (3) hari bermula 26 hingga 28 Oktober 2021 ini akan menampilkan sebanyak 155 kertas pembentangan secara lisan dan poster berkenaan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta khidmat yang dijalankan di Agensi Nuklear Malaysia. Majlis Perasmian NTC 2021 ini telah disempurnakan oleh YB Dato’ Sri Dr. Adham bin Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berlangsung sepenuhnya secara maya pada 26 Oktober 2021.

Tema NTC iaitu *“Nuclear Technology Application In New Norm”* yang dipilih untuk tahun 2021 ini signifikan dengan perubahan teknologi di era pandemik COVID-19 dalam norma baharu terhadap penggunaan aplikasi teknologi nuklear. Diharapkan agar adaptasi aplikasi teknologi nuklear dalam norma baharu ini dapat mewujudkan komunikasi yang lebih efektif dalam memperkukuh program penyelidikan dan pembangunan (R&D).

-TAMAT-